

# MESYUARAT AGUNG TAHUNAN WISMA AHLI UDARA PU KUCHING 2018

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2996-mesyuarat-agung-tahunan-wisma-ahli-udara-pu-kuching-2018](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2996-mesyuarat-agung-tahunan-wisma-ahli-udara-pu-kuching-2018)

KUCHING, 1 Feb 18 – Wisma Ahli Udara (WAU) Pangkalan Udara Kuching telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan yang bertempat di Dewan Makan WAU, Komander PU Kuching, YBhg Kol Yee Yit Hong TUDM telah sudi hadir untuk merasmikan mesyuarat tersebut. Turut hadir dalam mesyuarat ini adalah Pegawai Memerintah Skn dan Eksekutif Pangkalan. Majlis dimulakan dengan persembahan silat dan tayangan video aktiviti WAU sepanjang tahun 2017. Dalam majlis ini turut diadakan upacara Serah Terima Tugas YDP WAU antara KPL U Fahmi Azril bin Razali yang telah mengambil alih tugas daripada KPL U Mohd Syafie bin Mohd Hod bagi sesi 2017. Majlis ini disaksikan oleh Komander PU Kuching, YBhg Kol Yee Yit Hong TUDM, Pegawai Penasihat WAU, Kapt Muhammad Zaiyan TUDM dan Pegawai Waran Pangkalan.



